

PENGLIBATAN PELAJAR KAUM SIAM DALAM AKTIVITI SUKAN DI
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIANG CHANDI, PASIR MAS,
KELANTAN

NOR HAFEZAH BINTI MUSA

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI, 2004

“Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan :

Nama Penulis : Nor Hafezah Bt Musa

Tarikh : 8 Mac 2004

Dedikasi

*Untuk mama yang disanjung dan kuhormati,
Puan Ramlah bt Yusof,
Kasih sayangmu yang tak pernah surut,
Kesabaranmu mendidik,
Ketabahanmu mengharungi hidup,
Pengorbananmu yang tak ternilai,
Allah jua yang dapat membalasnya..*

*Untuk insan tersayang,
Che Faizul Bin Che Mamat,
Terima kasih kerana menghargai sebuah ikatan,
Bimbingan dan pengorbananmu amatku hargai,
Kesetiaan dan pengertianmu meruntun hati,
Semoga bahagia mengiringi perjalanan hidup kita,
Dengan izin dan rahmat dariNya*

*Adik-adikku sayang,
Hariz, Firdaus, Asirah dan Fikri,
Kalian terlalu istimewa,*

*Ahli keluarga yang kukasih,
Teman-teman yang kusayangi,
Terima kasih diatas segalanya.*

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianNya dapat saya menyiapkan Projek Sarjana Muda ini. Terima kasih yang tak terhingga diucapkan kepada Encik Yunos Bin Hj Dahlan, selaku penyelia, yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar sepanjang proses menjalankan kajian ini.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada pihak sekolah, tempat kajian ini dijalankan iaitu SMK Tiang Chandi, Pasir Mas, Kelantan. Puan Meriam Bt Yaacob, selaku Penolong Kanan 1 yang banyak memberi kerjasama dan sokongan.

Penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan saya, Syaziah, Idayu, Maziah dan lain-lain yang banyak membantu saya dari semua aspek. Ahli keluarga yang banyak memberi sokongan dan dorongan, serta pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung didalam penghasilan projek penyelidikan ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penglibatan pelajar kaum Siam dalam aktiviti sukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi. Kajian ini melibatkan 77 responden yang terdiri daripada pelajar dari pelbagai peringkat umur yang merupakan pelajar tingkatan satu hingga lima. Borang soal selidik yang diedarkan dibahagikan kepada dua bahagian. Aspek yang menjadi fokus kajian merupakan faktor dalaman pelajar dan faktor luaran seperti pengaruh rakan sebaya, pihak sekolah, dorongan ibubapa serta kemudahan peralatan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS (The Statistic Package For Social Science) dan dapatan analisis ditunjukkan dalam bentuk jadual. Berdasarkan dapatan kajian, faktor dalaman merupakan faktor utama yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kegiatan sukan di sekolah. Secara keseluruhannya, pelajar menunjukkan sikap yang positif dalam sukan.

ABSTRACT

The purpose of this research is to obtain information about the level of participation in sport of Siamese students of Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi, Pasir Mas. The samples comprised 77 students from Form One to Form Five. The questionnaire of this research are divided into two parts. The first part contains items regarding to respondents background, and secondly, items on the aspect of this research. Namely, the intrinsic and extrinsic factor that included the peer pressure, parents role and sports equipments. The data collected from the respondents were analyzed using the Statically Package for Social Science (SPSS) and presented by tables. The results showed that the intrinsic factor was the main contributor of Siamese students engaging in sports. The students had shown positive attitude towards sports even though they are a minority in the school.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB I	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	2
	1.3 Objektif Kajian	3
	1.4 Persoalan Kajian	4
	1.5 Kepentingan Kajian	5
	1.6 Batasan Kajian	5
	1.7 Definisi Istilah	6
	1.7.1 Penglibatan	6
	1.7.2 Sukan	6
	1.7.3 Pelajar Kaum Siam	7

BAB II	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	8
2.2	Kepentingan Sukan	9
2.3	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Dalam Sukan	10
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	13
3.2	Rekabentuk Kajian	13
3.3	Lokasi Kajian	14
3.4	Sampel Kajian	14
3.5	Prosedur Kajian	14
3.6	Instrumen Kajian	15
3.7	Analisis Data	16
BAB IV	ANALISIS DATA DAN KEPUTUSANNYA	
4.1	Pengenalan	17
4.2	Analisis Responden	17
4.3	Analisis Keputusan Bahagian A	18
4.4	Analisis Keputusan Bahagian B	20
4.4.1	Faktor Dalaman Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Sukan Di Sekolah	21
4.4.2	Faktor Luaran Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Sukan Di Sekolah	25

BAB V	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	28
5.2	Perbincangan	29
5.2.1	Faktor Dalaman Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Sukan Di Sekolah	30
5.2.2	Faktor Luaran Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Sukan Di Sekolah	32
5.3	Rumusan	34
5.4	Cadangan	35
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	37
5.6	Penutup	37
	RUJUKAN	38
	LAMPIRAN A	40
	LAMPIRAN B	44
	LAMPIRAN C	45

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1	Klasifikasi terhadap item soalan	16
2	Analisis mengikut umur pelajar	19
3	Analisis mengikut jantina pelajar	20
4	Analisis mengikut taraf pendidikan bapa/penjaga.	20
5	Analisis mengikut pendapatan ibubapa	21
6	Pengecilan skop kajian	22
7	Faktor dalaman yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan	22
8	Faktor luaran yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan	26

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Set soal selidik	41
B	Surat kebenaran Daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Pendidikan	45
C	Surat Pengenalan Diri	46

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk yang berbilang kaum dan keturunan. Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Bajau, Siam dan lain-lain.. Dalam kepelbagaian kaum di Malaysia, terdapat satu kaum yang di kenali sebagai kaum Siam. Kaum Siam di Malaysia berasal dari negara Thailand, pengaruh kerajaan Siam zaman Rattanakosin (Bangkok) dan penghantaran bunga emas oleh kerajaan Tanah Melayu kepada kerajaan Siam di Thailand merupakan salah satu faktor kemasukan rakyat Siam untuk meneroka kawasan pertanian di Tanah Melayu. Serangan tentera Phya Taksin ke atas Nakhon Si Thammarat dan mengisytiharkan kerajaan merdeka (TM 1770) menyebabkan ada rakyat jelata Siam melarikan diri dan hidup dibawah perlindungan raja-raja Melayu. Hari ini kaum Siam hidup sebagai sebahagian daripada rakyat Malaysia dan turut berkongsi matlamat dengan kaum-kaum yang lain untuk membangunkan negara ini.

Dalam aspek pendidikan, kaum Siam juga berhak mendapat pendidikan yang sempurna sama seperti kaum-kaum yang lain di Malaysia kerana dalam bidang pendidikan khasnya Malaysia mengamalkan konsep pendidikan berbilang budaya dimana salah satu tumpuannya ialah supaya pelajar dapat memupuk perpaduan. Ia telah pun di bincangkan dalam agenda Penyata Razak dan juga Penyata Rahman Talib. Konsep ini juga diselitkan dalam Pendemokrasian Pendidikan (1980). Dengan pelaksanaan konsep Pendemokrasian Pendidikan ini maka dasar pendidikan yang ada di negara kita memberi peluang yang sama kepada semua kaum untuk mendapatkan hak-hak dalam pendidikan.

Penglibatan pelajar Siam dalam bidang pendidikan amnya dan kokurikulum khasnya merupakan aset penting untuk memupuk semangat bekerjasama antara kaum dan saling faham memahami antara satu sama lain, ini kerana kegiatan tersebut dijalankan, pelajar akan lebih mudah bergaul dan mendapat banyak faedah melalui interaksi sosial yang berlaku. Namun persoalannya, sejauhmanakah penglibatan pelajar kaum Siam dalam aktiviti sukan sekolah? Berdasarkan persoalan inilah maka satu kajian dijalankan untuk mengetahui tahap penglibatan pelajar kaum Siam dalam aktiviti sukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi, Pasir Mas, Kelantan.

1.2 Pernyataan Masalah

Penglibatan pelajar dalam dalam aktiviti sukan di sekolah merupakan satu cabang pendidikan penting untuk mencapai matlamat pendidikan, justeru itu kajian tentang penglibatan pelajar Siam dalam aktiviti sukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi merupakan satu kajian yang secara tidak langsung akan menunjukkan satu kesinambungan terhadap Falsafah Pendidikan Negara yang berhasrat untuk memperkembangkan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek,

rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Hasrat dan cita-cita ini adalah ke arah pembentukan masyarakat yang cemerlang yang berperibadi seimbang dan harmonis (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1985).

Matlamat utama polisi pendidikan negara adalah untuk mengumpul semua pelajar dari berbagai kaum di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan. Laporan Jawatankuasa Kabinet (KPM, 1979) mengesyorkan bahawa semua pelajar hendaklah digalakkan mengambil bahagian yang lebih aktif dalam kegiatan kokurikulum. Semua pihak berpendapat bahawa kurikulum yang ada sekarang terlalu memberi penekanan kepada kurikulum akademik, keadaan ini menyebabkan suasana pembelajaran sentiasa tertekan, maka timbullah polarisasi kaum atau kelompok dikalangan pelajar serta perkembangan menyeluruh watak sahsiah pelajar kurang memuaskan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penglibatan pelajar kaum Siam dalam aktiviti sukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi, Pasir Mas, Kelantan. Kajian ini cuba mengenal pasti aspek-aspek yang berkaitan dengan penglibatan pelajar, peranan guru, falsafah, objektif, serta peruntukan masa untuk pelajar melibatkan diri dalam aktiviti sukan di sekolah. Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:

- i) Menentukan tahap penglibatan pelajar kaum Siam dalam aktiviti sukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi, Pasir Mas, Kelantan.

- ii) Membuat perbandingan tahap penglibatan pelajar kaum Siam berbanding dengan pelajar kaum lain di Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi, Pasir Mas, Kelantan.

- iii) Mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh pelajar kaum Siam dalam penglibatan mereka dalam aktiviti sukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi, Pasir Mas, Kelantan.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk untuk mengetahui tahap penglibatan pelajar kaum Siam dalam aktiviti sukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi, Pasir Mas. Persoalan kajian dalam penyelidikan ini meliputi perkara-perkara berikut :

- i) Adakah tahap penglibatan pelajar kaum Siam dalam aktiviti sukan berada pada tahap yang baik atau sebaliknya ?

- ii) Apakah perbandingan yang dapat dibuat dalam penglibatan pelajar kaum Siam berbanding pelajar kaum lain?

- iii) Apakah permasalahan yang dihadapi oleh pelajar kaum Siam dalam penglibatan mereka dalam aktiviti sukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi, Pasir Mas, Kelantan.